

Perancangan bandar perlu model baru

Bersesuaian dengan tema sambutan Hari Habitat Sedunia hari ini 'Bandar Berubah Membina Peluang', peranan bandar semakin penting dalam pembangunan.

Namun, kemajuan dalam pembangunan teknologi maklumat, pembangunan pengetahuan ekonomi (K-Ekonomi) dan pelbagai proses globalisasi dan 'googlelisasi' mengubah dan mempengaruhi sistem bandar dunia.

Proses globalisasi dan googlelisasi yang mendominasi sistem maklumat global dengan kemudahan aplikasi dan pangkalan data peta percuma seperti Google Maps, memudahkan semua pihak menjalankan pelbagai bentuk transaksi dalam kehidupan yang pantas hari ini.

Dunia kini menempuh abad ke-21 dengan jumlah penduduk bandar melebihi luar bandar. Lantaran abad ini dikenali sebagai 'abad bandar'.

Model konvensional yang diamalkan selama ini berteraskan kepada asas hierarki yang wujud dalam konteks bandar dan hubung kaitan dengan bandar lain perlu diperbaharui.

Model berasaskan hierarki itu kini mewujudkan ketidak-tentuan di kalangan perancang dan pembuat keputusan kerana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) semakin menyebabkan fungsi bandar iaitu dimensi, bentuk dan tatacara pelaksanaan, berubah.

Justeru, wujud keperluan model yang bersifat jaringan berbanding dengan model bersifat hierarki di dalam menganalisis isu yang berkaitan dengan pembandaran untuk menjurus kepada pembangunan lestari.

Proses liberalisasi ekonomi yang berkaitan dengan pengeluaran dan pasaran terbuka membolehkan fungsi bandar berubah dalam suasana yang disokong teguh kemudahan ICT. Transaksi ekonomi dan kewangan kini boleh dilakukan menerusi internet. Bagaimanapun, penghantaran barangan fizikal masih diperlukan walaupun bersifat sehalu sahaja.

Mengikut model asal itu, bandaraya Kuala Lumpur pada peringkat awal hanya menyediakan dan membekalkan barangan yang dikategorikan dalam orde lebih tinggi berbanding bandar

**“
Perancangan bandar masa depan wajar berasaskan kemanusiaan kerana transaksi barangan dan kewangan menuntut etika begitu tinggi untuk mengelak gejala tidak sihat seperti penipuan di internet”**

seperti Kuala Kubu atau Serendah di Selangor. Ini bermakna pembeli yang ingin mendapatkan barang bersifat orde lebih tinggi ini perlu ke Kuala Lumpur untuk mendapatkannya.

Dalam hierarki bandar konvensional ini, pekan kecil seperti Tanjung Malim terletak dalam hierarki terendah berbanding Kuala Lumpur, Shah Alam dan Petaling Jaya. Pekan Tanjung Malim hanya menyediakan perkhidmatan yang berkait dengan keperluan penduduk tempatan yang rata-ratanya bekerja di sektor pertanian getah dan kelapa sawit.

Jika terdapat keperluan untuk mendapatkan barangan yang bersifat orde lebih tinggi, maka penduduk perlu mendepatkannya di bandar yang lebih besar seperti di Kuala Lumpur.

Tetapi kini pekan Tanjung Malim boleh saja terus berhubung dengan dunia atau bandar di luar seperti London, Tokyo, New York untuk menjalankan perniagaan seperti penjualan kereta nasional.

Malah, barangan keluaran berasaskan pertanian seperti kerepek yang diusahakan wanita dan ibu tunggal serta penduduk kampung juga boleh dieksport terus ke luar negara menerusi transaksi internet.

Pembelian atau transaksi barangan boleh dilakukan dari mana-mana tempat di dunia ini dengan kemudahan prasarana internet jalur lebar yang disokong rangkaian prasarana fizikal lain seperti perkhidmatan penghantaran barangan cepat, sistem jalan raya dan lebuh raya yang cekap serta sumber tenaga mahir.

Justeru, perancangan bandar pada masa depan sewajarnya berasaskan kemanusiaan kerana proses transaksi barangan dan kewangan yang dilakukan menuntut etika yang begitu tinggi untuk mengelakkan gejala tidak sihat seperti penipuan di internet.

Persoalan nilai menjadi keutamaan yang cukup tinggi untuk membentuk masyarakat jaringan yang beretika. Justeru, keadaan ini menuntut kepada satu bentuk kerangka baru untuk kehidupan yang lebih beretika dalam menjalankan transaksi yang diperlukan.



Penulis

ialah Felo Penyelidik, Pensyarah Kanan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia